



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8889 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 7 (28 )

Tarikh : 17 November 2023

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 15 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN PEMILIHAN BIDANG PENGAJIAN DAN UNIVERSITI UNTUK  
MENGIKUTI KURSUS JANGKA SEDERHANA DAN KURSUS JANGKA PANJANG  
SECARA SEPENUH MASA DENGAN TAJAAN SELAIN KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA ATAU PEMBIAYAAN SENDIRI BAGI PEGAWAI  
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

**TUJUAN**

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan berkenaan Garis Panduan Pemilihan Bidang Pengajian dan Universiti untuk Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa dengan Tajaan Selain Kementerian Pendidikan Malaysia atau Pembiayaan Sendiri bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP).

**LATAR BELAKANG**

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) menyediakan peluang untuk PPP mengikuti program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB). Menjelang tahun 2025, KPM menasaskan 60 peratus daripada program PPB adalah secara inisiatif sendiri. Program peningkatan akademik merupakan salah satu program yang boleh diikuti secara sendiri bagi membuka laluan kepada PPP untuk merancang dan membangunkan kompetensi diri. Pemilihan bidang pengajian mesti seiring dengan keperluan KPM bagi merealisasikan Dasar Pendidikan Negara (DPN).

3. Bagi tujuan ini, PPP digalakkan mengenal pasti peluang untuk melanjutkan pengajian secara sepenuh masa melalui penajaan selain KPM atau pembiayaan sendiri. Sehubungan dengan itu, KPM telah menyediakan kemudahan cuti belajar kepada PPP yang berkelayakan untuk membolehkan mereka mengikuti kursus secara sepenuh masa melalui Garis Panduan Pemilihan Bidang Pengajian Dan Universiti Untuk Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa Di Luar Negara Dengan Tajaan Selain Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Atau Pembiayaan Sendiri Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bertarikh 16 Ogos 2018.

4. Garis panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan kepada PPP dalam membuat pemilihan bidang pengajian, universiti dan tajaan. Selain itu, garis panduan ini menjadi rujukan kepada ketua jabatan dan Bahagian Tajaan Pendidikan, KPM agar kemudahan cuti belajar dapat diuruskan dengan teratur dan menepati dasar yang sedang berkuat kuasa.

5. Garis panduan tersebut telah disemak semula bagi tujuan penambahbaikan berdasarkan keperluan semasa. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 19 Tahun 2023 bertarikh 27 Julai 2023 telah meluluskan SPI dan Garis Panduan Pemilihan Bidang Pengajian dan Universiti untuk Mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa dengan Tajaan Selain Kementerian Pendidikan Malaysia atau Pembiayaan Sendiri bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

## **PELAKSANAAN**

6. Ketua jabatan hendaklah memastikan tatacara yang ditetapkan dalam garis panduan dipatuhi oleh PPP. Garis panduan dan borang permohonan yang telah dikemas kini boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM di pautan <https://www.moe.gov.my>.

7. Berdasarkan tatacara yang digariskan, PPP yang ingin menyambung pengajian perlu memastikan surat tawaran pengajian telah diterima daripada pihak universiti dan **mendapat kelulusan sebelum pengajian bermula.**

## **TARIKH KUAT KUASA**

8. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.**

## **PEMBATALAN**

9. Dengan berkuat kuasanya SPI ini, maka Garis Panduan Pemilihan Bidang Pengajian Dan Universiti Untuk Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa Di Luar Negara Dengan Tajaan Selain Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Atau Pembiayaan Sendiri Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang dibaca bersama-sama surat makluman Garis Panduan Pemilihan Bidang Pengajian Dan Universiti Untuk Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa Di Luar Negara Dengan Tajaan Selain Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Atau Pembiayaan Sendiri Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bertarikh 16 Ogos 2018 adalah **terbatal**.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

10. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)**

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Sektor Operasi Sekolah

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN PEMILIHAN BIDANG PENGAJIAN  
DAN UNIVERSITI UNTUK MENGIKUTI KURSUS JANGKA  
SEDERHANA DAN KURSUS JANGKA PANJANG SECARA  
SEPENUH MASA DENGAN TAJAAN SELAIN KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA ATAU PEMBIAYAAN SENDIRI BAGI  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

## ISI KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
1. Tujuan	1
2. Tafsiran	1
3. Latar Belakang	2
4. Peringkat Pengajian	3
5. Pemilihan Bidang Pengajian	3
6. Mod Pengajian	5
7. Kelayakan Akademik dan Pengalaman Bagi Pemilihan Bidang Pengajian	5
8. Pemilihan Universiti Mengikut Senarai Kedudukan dan Bidang Pengajian	6
9. Pemilihan Penaja Selain Kementerian Pendidikan Malaysia	7
10. Pembiayaan Sendiri	7
11. Kriteria Lain	8
12. Pertanyaan	9
13. Pemakaian	10
LAMPIRAN A	11
LAMPIRAN B	12

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan tentang ketetapan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan **pemilihan bidang pengajian, universiti dan penajaan** bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berhasrat untuk mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa menggunakan kemudahan cuti belajar dengan tajaan selain KPM atau dengan pembiayaan sendiri.

## 2.0 TAFSIRAN

Bagi maksud pemakaian garis panduan ini:

- i. **Cuti belajar** bermaksud cuti yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia kepada PPP bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, PPP dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau berhenti kerja (Dalam Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai Cuti Berkursus);
- ii. **Ketua jabatan** bermaksud seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan, institusi atau agensi dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi kementerian, jabatan, institusi atau agensi untuk bertindak bagi pihaknya seperti pada Lampiran A;
- iii. **Kursus jangka sederhana** bermaksud kursus sepenuh masa yang melebihi tiga bulan tetapi tidak melebihi 12 bulan termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
- iv. **Kursus jangka panjang** bermaksud kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi 12 bulan termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;

- v. **Pembiayaan sendiri** bermaksud semua keperluan kos berkaitan pengajian dibiayai sendiri sepenuhnya oleh PPP sepanjang tempoh pengajian;
- vi. **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)** bermaksud pegawai yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) ke dalam skim perkhidmatan pendidikan di bawah KPM yang berkhidmat secara tetap dan telah disahkan dalam jawatan; dan
- vii. **Tajaan selain KPM** bermaksud kemudahan yang diperuntukkan oleh kerajaan luar yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Kerajaan Malaysia, badan antarabangsa atau agensi lain yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia bagi membiayai yuran pengajian, elaun sara hidup dan kemudahan-kemudahan lain sepanjang tempoh pengajian.

### 3.0 LATAR BELAKANG

3.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan menyediakan peluang untuk PPP mengikuti program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB). Menjelang tahun 2025, KPM menyasarkan 60 peratus daripada program PPB adalah secara inisiatif sendiri. Program peningkatan akademik merupakan salah satu program yang boleh diikuti secara sendiri bagi membuka laluan kepada PPP untuk merancang dan membangunkan kompetensi diri. Pemilihan bidang pengajian mesti seiring dengan keperluan KPM bagi merealisasikan Dasar Pendidikan Negara.

3.2 Bagi tujuan ini, PPP adalah digalakkan mengenal pasti peluang untuk melanjutkan pengajian secara sepenuh masa melalui penajaan selain KPM atau pembiayaan sendiri. Sehubungan dengan itu, KPM telah menyediakan kemudahan cuti belajar kepada PPP yang berkelayakan untuk membolehkan mereka mengikuti kursus secara sepenuh masa.



3.3 Garis panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan kepada PPP dalam membuat pemilihan bidang pengajian, universiti dan tajaan. Selain itu, garis panduan ini menjadi rujukan kepada ketua jabatan dan Bahagian Tajaan Pendidikan (BTP), KPM agar kemudahan cuti belajar dapat diuruskan dengan teratur dan menepati dasar yang sedang berkuat kuasa.

#### **4.0 PERINGKAT PENGAJIAN**

Kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang merangkumi pengajian peringkat **Sijil dan Ijazah Lanjutan (Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Doktor Pendidikan (EdD))**.

#### **5.0 PEMILIHAN BIDANG PENGAJIAN**

PPP yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian di dalam atau di luar negara dengan tajaan selain KPM atau pembiayaan sendiri perlu mematuhi aspek pemilihan bidang pengajian seperti yang dicadangkan dalam Perancangan Strategik Penajaan KPM yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2016 berdasarkan tiga kluster seperti berikut:

Kluster	Bidang Pengajian
<p style="text-align: center;"><b>Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa</li> <li>• <i>Science, Technology, Engineering and Mathematics</i> (STEM)</li> <li>• Kemahiran Teknik dan Vokasional</li> <li>• Teknologi Pendidikan</li> <li>• Sains Sosial/ Ilmu Kemanusiaan/ Sastera Ikhtisas</li> <li>• Pengukuran dan Penilaian</li> <li>• Pendidikan Islam/ Al-Tarbiyyah Al-Islamiah</li> <li>• Ilmu Pendidikan/ Pendidikan Keperluan Khas/ Pendidikan Prasekolah/ Pendidikan Awal Kanak-kanak</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>Kepimpinan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan Strategik</li> <li>• Perancangan Pembangunan Pendidikan</li> <li>• Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan</li> <li>• Pemantauan, Penyeliaan dan Penaziran</li> <li>• Perancangan/ Pembangunan Sumber Manusia</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>Kepakaran Pendidikan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan Polisi Pendidikan/ Pembangunan Kurikulum Pendidikan</li> <li>• Kaunseling dan Psikologi</li> <li>• Kejurulatihan Utama Pendidikan</li> <li>• Pembangunan Pentaksiran</li> <li>• Revolusi Industri 4.0</li> </ul>

**Nota: Bidang pengajian boleh berubah dari semasa ke semasa berdasarkan dasar terkini KPM.**

## 6.0 MOD PENGAJIAN

Mod Pengajian yang boleh diikuti oleh PPP mengikut peringkat pengajian adalah seperti berikut:

Peringkat		Mod
Sijil		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja kursus dan yang berkaitan</li> </ul>
Ijazah Lanjutan	Ijazah Sarjana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelidikan sepenuhnya</li> <li>• Campuran (Kerja kursus dengan disertasi/ tesis)</li> <li>• Kerja kursus</li> </ul>
	Ijazah Doktor Falsafah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelidikan sepenuhnya</li> </ul>
	Ijazah Doktor Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Campuran (Kerja kursus dengan disertasi/ tesis)</li> </ul>

## 7.0 KELAYAKAN AKADEMIK DAN PENGALAMAN BAGI PEMILIHAN BIDANG PENGAJIAN

PPP yang memohon untuk mengikuti pengajian perlu mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman berkaitan bagi setiap kluster seperti berikut:

Peringkat	Kluster	Kelayakan Akademik dan Pengalaman
Sijil	PdP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang dimohon;</li> </ul> <p><b>ATAU</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai sekurang-kurangnya <b>tiga tahun pengalaman</b> mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon</li> </ul>
	Kepimpinan	
	Kepakaran Pendidikan	

Peringkat	Kluster	Kelayakan Akademik dan Pengalaman
Ijazah Sarjana	PdP	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda;</li> <li>Mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang dimohon;</li> </ul> <p><b>ATAU</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai sekurang-kurangnya <b>tiga tahun pengalaman</b> mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.</li> </ul>
	Kepimpinan	
	Kepakaran Pendidikan	
Ijazah Doktor Falsafah/ Ijazah Doktor Pendidikan	PdP	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana;</li> <li>Mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda <b>atau</b> Ijazah Sarjana dalam bidang yang dimohon;</li> </ul> <p><b>ATAU</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai sekurang-kurangnya <b>tiga tahun pengalaman</b> mengajar/berkhidmat dalam bidang yang dimohon.</li> </ul>
	Kepimpinan	
	Kepakaran Pendidikan	

## 8.0 PEMILIHAN UNIVERSITI MENGIKUT SENARAI KEDUDUKAN DAN BIDANG PENGAJIAN

- 8.1 Bagi pengajian di **dalam negara**, PPP hendaklah memilih bidang pengajian yang mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang dilaksanakan di Universiti Awam, Institut Latihan Awam atau Institut Pendidikan Guru (IPG).

- 8.2 Manakala, bagi pengajian di **luar negara**, PPP hendaklah memilih universiti yang berada di negara yang selamat. PPP perlu memilih universiti berdasarkan senarai Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seperti pada Lampiran B.
- 8.3 Walau bagaimanapun, pengecualian boleh diberikan kepada PPP yang ingin mengikuti pengajian institusi di luar negara bagi program khas yang diwujudkan dengan persetujuan antara kerajaan dengan kerajaan.

## **9.0 PEMILIHAN PENAJA SELAIN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

- 9.1 Pemilihan penaja hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
- i. Penaja tidak mengenakan sebarang ikatan kontrak dan syarat-syarat lain selepas tamat pengajian;
  - ii. Penaja tidak terlibat dalam sebarang kegiatan yang boleh memudaratkan hubungan antara negara seperti kegiatan penghasutan, keganasan, tunjuk perasaan, keagamaan dan politik;
  - iii. Penaja tidak menetapkan apa-apa syarat pematuhan yang boleh menjejaskan imej PPP sebagai penjawat awam; dan
  - iv. Penaja perlu membuktikan kesediaan/ kemampuan untuk menaja PPP sehingga tamat tempoh pengajian atau PPP tamat pengajian dengan jayanya.
- 9.2 PPP hendaklah memastikan penajaan yang diterima memenuhi ketetapan KPM berdasarkan peringkat dan tempoh pengajian yang dibenarkan.

## **10.0 PEMBIAYAAN SENDIRI**

- 10.1 PPP yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian di **dalam negara** dengan pembiayaan sendiri perlu mempunyai kemampuan kewangan dalam semua urusan perbelanjaan sepanjang pengajian merangkumi urusan sebelum memulakan pengajian dan semasa mengikuti pengajian.

- 10.2 PPP yang telah mendapat tawaran daripada universiti di **luar negara** dengan pembiayaan sendiri perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis panduan JPA dan KPM serta tertakluk kepada syarat permohonan tambahan seperti yang berikut:
- i. pemohon perlu mengemukakan bukti kemampuan kewangan (semakan slip gaji, akaun bank, laporan CTOS);
  - ii. pemohon perlu melepasi ujian psikometrik (sama seperti pemohon Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBP DB));
  - iii. proses pemilihan perlu melalui jawatankuasa panel penilaian yang terdiri daripada BTP, Bahagian Profesionalisme Guru (BPG) dan ketua jabatan pemohon;
  - iv. pemohon perlu melampirkan nama perujuk (*referee*) untuk rujukan jawatankuasa panel penilaian;
  - v. pemohon perlu mengemukakan laporan kesihatan; dan
  - vi. pemohon perlu menandatangani dokumen aku janji akan membiayai pengajian sendiri sehingga berjaya menamatkan pengajian.

## 11.0 KRITERIA LAIN

- 11.1 PPP **mesti** mendapatkan **kelulusan** daripada ketua jabatan **sebelum memulakan pengajian**.
- 11.2 PPP yang menamatkan pengajian di peringkat ijazah lanjutan **tidak tertakluk kepada sebarang tuntutan kenaikan pangkat/ gred**.
- 11.3 PPP yang telah mengikuti cuti belajar kurang 12 bulan tetapi melebihi tiga bulan di dalam atau di luar negara, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang yang berikutnya sama ada di dalam atau di luar negara selepas genap **satu tahun** tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya.

- 11.4 PPP yang telah mengikuti cuti belajar melebihi 12 bulan di dalam atau di luar negara, boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang yang berikutnya sama ada di dalam atau di luar negara selepas genap **dua tahun** tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya.
- 11.5 Permohonan kemudahan cuti belajar boleh dilakukan setelah kriteria pada **para 5.0 hingga 11.4 dipenuhi.**

## 12.0 PERTANYAAN

- 12.1 Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini hendaklah dirujuk kepada BPG seperti alamat berikut:

Bahagian Profesionalisme Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 3-6, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
Telefon: 03 88842266/ 03 88841398  
Faks: 03 88841081  
E-mel: bpg.upsg@moe.gov.my

- 12.2 Sebarang pertanyaan berkaitan urusan permohonan kemudahan cuti belajar hendaklah dirujuk kepada BTP seperti alamat berikut:

Bahagian Tajaan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 1, Blok 2251, Jalan Usahawan 1  
63000 Cyberjaya  
SELANGOR DARUL EHSAN  
Telefon: 03 83217100  
Faks: 03 83217101  
E-mel: bt.info@moe.gov.my

### 13.0 PEMAKAIAN

Pemakaian garis panduan ini adalah mengikut ketetapan seperti berikut:

- i. Terpakai kepada semua PPP di bawah KPM dan telah dilantik oleh SPP. Walau bagaimanapun, KPM berhak meminda syarat-syarat dan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam garis panduan ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan KPM;
- ii. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan sebagai panduan bagi PPP yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Doktor Pendidikan (EdD) di dalam atau di luar negara dengan tajaan selain KPM atau pembiayaan sendiri;
- iii. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar kepada Pegawai Awam yang mengikuti Kursus Jangka Sederhana dan Kursus Jangka Panjang secara Sepenuh Masa JPA (L) S.175/4/1-1 KLT.8 (22) yang dikeluarkan oleh JPA dan peraturan-peraturan atau garis panduan lain yang sedang berkuat kuasa; dan
- iv. Garis panduan ini **membatalkan** Garis Panduan Pemilihan Bidang Pengajian Dan Universiti Untuk Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa Di Luar Negara Dengan Tajaan Selain Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Atau Pembiayaan Sendiri Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bertarikh 16 Ogos 2018.



**LAMPIRAN A****KETUA JABATAN PEMOHON MENGIKUT TEMPAT BERKHIDMAT**

<b>BIL.</b>	<b>TEMPAT PEGAWAI BERKHIDMAT</b>	<b>KETUA JABATAN</b>
1.	Sekolah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri</li></ul>
2.	Sekolah di bawah kawalan Bahagian KPM	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah Bahagian berkaitan</li></ul>
3.	Pejabat Pendidikan Daerah Jabatan Pendidikan Negeri	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri</li></ul>
4.	Kolej Matrikulasi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah Bahagian Matrikulasi</li></ul>
5.	Institut Pendidikan Guru	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia</li></ul>
6.	Bahagian KPM	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah Bahagian</li><li>• Setiausaha Bahagian</li><li>• Ketua Nazir Sekolah</li><li>• Pengarah Peperiksaan</li></ul>

**KRITERIA PEMILIHAN UNIVERSITI/ INSTITUSI PENGAJIAN DAN BIDANG LUAR NEGARA**

PPP dikehendaki mendapatkan tempat pengajian di universiti/ institusi pengajian dan bidang yang berada di kedudukan seperti berikut:

- a) Senarai **Type A** dan **Type B** dalam **Top Global Universities (The Top Global University Project)** bagi pengajian di Jepun;
- b) Senarai kedudukan **100 teratas secara keseluruhan** atau **10 teratas mengikut bidang** dalam **The Times Higher Education (THE) World University Rankings**; atau
- c) Senarai kedudukan **100 teratas secara keseluruhan** atau **10 teratas mengikut bidang** dalam **Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings**.

Nota: PPP perlu merujuk senarai universiti/ institusi pengajian dan bidang yang terkini secara dalam talian.